

04 JUN 2000  
Mahathir-Pas

PAS PERALAT WANITA UNTUK KEPENTINGAN DIRI, KATA DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 4 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, Pas tidak harus membenarkan golongan wanita menjadi calon pada pilihan raya jika parti itu benar-benar memegang kepada kepercayaan dan prinsipnya.

Bagaimanapun, beliau menyifatkan tindakan Pas memeralatkan golongan wanita dalam parti itu untuk kepentingan meraih undi bagi pihak calon-calon lelaki dalam pilihan raya adalah bertentangan dengan ajaran Islam.

Katanya, tindakan Pas berhubung isu calon wanita itu merupakan satu penipuan dan hipokrisi kerana sementara mereka tidak memberi peluang kepada wanita menjadi calon, golongan itu (wanita) diperalatkan untuk mendapatkan undi dan sebagainya.

"Ini adalah satu cara hipokrisi. Di satu pihak, kita kata...tak boleh terlibat dan di pihak yang lain, kita nak gunakan wanita untuk mendapatkan sokongan bagi calon-calon lelaki yang diletakkan oleh Pas. Ini semua bertentangan dengan ajaran Islam," katanya kepada pemberita selepas beliau mengadakan lawatan peribadi ke beberapa tempat di sekitar Pulau Pinang.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas gesaan Dewan Muslimat Pas pada muktamar tahunan parti itu di Kuala Terengganu semalam, yang mahu kepimpinan parti itu menimbang cadangan memberi peluang kepada calon-calon wanita yang berpotensi untuk bertanding pada pilihan raya akan datang.

Dr Mahathir berkata, cara Pas bertindak jelas menampakkan bahawa parti itu mengutamakan kepentingan diri dan bukannya agama.

Mengenai tuntutan Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) yang mahu penetapan gaji minimum sebanyak RM900 sebulan, Dr Mahathir berkata beliau mendapati tumpuan dalam isu ini ialah kepada kenaikan gaji dan bukannya soal gaji minimum.

"Kita bukan cakap mengenai gaji minimum. Yang disebut itu ialah kenaikan gaji dan bukan gaji minimum. Jadi, kalau seorang itu naik (gaji) RM900, orang dulu yang dapat RM900 tak kan mahu terima RM900 juga...tentu dia mahu lebih," katanya.

Laporan sebuah akhbar harian berbahasa Inggeris hari ini menyebut bahawa MTUC telah mencapai persetujuan mengenai jumlah RM900 itu selepas ia mengadakan kajian terperinci mengenai faktor-faktor yang boleh menyumbang kepada "gaji minimum yang berpatutan".

Sementara itu, Dr Mahathir berkata Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik setakat ini belum menghubungi beliau berhubung isu peletakan jawatannya sebagai menteri kabinet.

-- BERNAMA  
ZU AKD